

# CABARAN PENDIDIKAN ISLAM DI ERA MEDIA SOSIAL (Challenges of Islamic Education in Social Media Era)

\* Ab. Halim Tamuri<sup>1</sup>, Nur Hanani Hussin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pejabat Rektor  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Bahagian Pendidikan Islam  
No. 2251, Jalan Usahawan 1,  
63000 Cyberjaya, Selangor, Malaysia.

\*Corresponding author's email: abhalim@ukm.edu.my

## Article History:

Submit: 7 October 2016

Accepted: 18 November 2016

Revised: 20 July 2017

Published: 28 December 2017

*Attarabawiy: Malaysian Online Journal of Education*

*Vol. 1, No. 2 (2017), 37-43*

## Abstrak

Penggunaan media sosial merupakan satu elemen baru yang sedang berkembang dalam kalangan masyarakat khususnya generasi muda. Tujuan utama artikel ditulis untuk membincangkan isu-isu dan cabaran pendidikan di era media sosial. Kajian ini adalah analisis kualitatif yang melihat secara kritikal isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam pendidikan era media sosial berdasarkan kepada literatur dan kajian-kajian yang telah dijalankan. Umumnya, berdasarkan kajian-kajian tersebut, media massa dan media sosial memberi kesan kepada pembangunan diri khususnya berkaitan aspek sosio-psikologi generasi muda. Antara alasan yang sering digunakan ialah hak dan kebebasan seperti hak dalam demokrasi, kebebasan bersuara dan juga hak individu bagi membolehkan mereka melaksanakan berbagai-bagai bentuk rancangan dan program. Penulis ini juga memberi tumpuan kepada penggunaan media sosial di Malaysia yang semakin berkembang setiap tahun. Akibat daripada impak globalisasi dan dunia tanpa sempadan, data menunjukkan jumlah pengguna internet dan media sosial di Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia. Pada tahun 2015, terdapat 10.4 juta pengguna aktif Facebook sahaja di Malaysia. Data menunjukkan bahawa 21.9 juta (73%) penduduk Malaysia menggunakan aplikasi Whatsapp yang merupakan pengguna ketiga tertinggi di seluruh dunia berdasarkan nisbah penduduk. Data keseluruhan menunjukkan 16.5 juta (55%) penduduk Malaysia adalah pengguna aktif dalam media sosial. Terdapat dua cabaran utama yang perlu ditangani oleh para pendidik iaitu i) jurang persepsi dan ilmu antara guru dengan generasi dan ii) pembangunan akidah yang sahih dalam kalangan generasi muda.

**Kata Kunci:** Pendidikan Islam, Media Sosial, Globalisasi

## Abstract

*The high usage of social media is now a new element which significantly develop in current society particularly among young generation. The main aim of this article is to discuss issues and challenges faced in the era of social media. This is qualitative study to critically examine issues and challenges faced by education in the era of social media based on several literatures and research conducted. Generally, based these studies, mass media and social media give impact on self development especially related with socio-psychology of young generation. Some of the reasons given sub as the right and freedom in democracy, freedom of speech and right of individual to practice and implement various type of plannings and programs. This article also investigates on the media social usage that have increased very year. As a result of globalisation, the data showed that the numbers of internet and media social users in Malaysia were among the highest in the world. In 2015, there were 10.4 million active Facebook users in Malaysia. The data showed that 21.9 million (73%) Malaysian people used the Whatsapp application which was the third highest in the world based on the proportion of population. The overall data showed that 16.5 million (55%) Malaysia people were active users of sosial media. There are two major challenges that should be encountered by all educators; i) the gap between perception and knowledge among teachers and young generation and ii) the right faith development among young generation.*

**Keywords:** Islamic Education, Sosial Media, Globalization

## 1.0 PENDAHULUAN

Secara umumnya, dalam zaman ledakan globalisasi, pengaruh media massa dan juga media sosial adalah amat besar ke atas generasi muda, khususnya golongan pelajar dan remaja. Menurut pandangan Islam, remaja telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam dan mereka mempunyai tanggungjawab yang penting kepada diri mereka, keluarga dan masyarakat (Mashuq Ally, 1997; Hassan al-Anani, 1990; Abu Dawud, 1989: 832-833). Berbanding dengan generasi terdahulu, proses sosialisasi dan kematangan pada masa kini berlaku dengan keadaan yang berbeza-beza berdasarkan kepada faktor persekitaran yang ada. Pada asasnya, gaya kehidupan remaja Islam tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja barat kerana remaja Muslim perlu dididik dengan nilai-nilai keislaman dan yang berteraskan kepada tauhid dan akhlak Islam (Ab. Halim, 2015:4-5). Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat yang sesuai dengan prinsip-prinsip dasar hukum Islam melalui media massa dan sosial bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan rohani, emosi, dan intelektual yang mantap serta boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram. Kewujudan bahan-bahan negatif dari dalam atau luar negara menerusi laman web dan berbagai aplikasi sosial yang ada telah menimbulkan masalah yang serius kepada perkembangan remaja masa kini. Keadaan ini menjadi lebih kritikal akibat kesibukan ibubapa yang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak bahkan mereka secara bebas menonton dan melayari laman-laman web tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan.

## 2.0 PENGARUH MEDIA KEPADA PEMBANGUNAN REMAJA

Dalam tahun 1990an hingga awal tahun 2000, media massa berkembang dengan begitu pesat sekali. Televisyen telah menjadi alat siaran yang penting dalam masyarakat Malaysia pada masa itu dan boleh dikatakan semua rumah mempunyai kemudahan televisyen. Terdapat berbagai saluran televisyen percuma dan berbayar di Malaysia malah bagi penduduk di kawasan selatan Malaysia, mereka boleh menerima siaran lain daripada negara jiran lain seperti Singapura juga Indonesia manakala di utara pula mendapat siaran daripada Thailand. Selain dari itu, hampir keseluruhan saluran radio di Malaysia adalah berbentuk hiburan yang sering menyiarkan lagu-lagu berentak *heavy metal, rap, blues, pop, slow rock* dan *rock*.

Hasil daripada perkembangan, kemajuan teknologi dan kemudahan asas yang sempurna menjadikan kesan dan pengaruh media bukan sahaja dirasai oleh remaja di kawasan bandar sahaja, malah ianya turut melibatkan golongan remaja di kawasan luar bandar (Ab. Halim 2005). Terdapat pelbagai jenis hiburan, bahan bacaan, bahan audio video dalam media sosial yang boleh mencetuskan ketidak stabilan dalam emosi dan psiko-sosial remaja masa kini. Pada kebiasaannya, atas alasan kebebasan dan globalisasi, bahan-bahan tersebut telah disebar secara terbuka kepada khalayak seolah-olah tanpa mengikut peraturan dan tanpa menyalahi etika yang sedia ada dalam masyarakat.

Kepesatan perkembangan media sosial kini menjadikan semua orang boleh memiliki media sendiri. Seseorang pengguna sosial dengan rangkaian internet tanpa bayaran besar, tanpa alat mahal boleh menyunting, mengubah suai baik tulisan mahu pun gambar, video, grafik dan sebagainya serta boleh menyebarkan kepada masyarakat (Nor Azaruddin Husni, 2017). Isu pengaruh negatif media kepada masyarakat telah pun dibangkitkan oleh Mugheses-uddin (1997: 57) yang mana dia telah menyatakan:

*There are many ways in which the media can offend without straying beyond the laws: inaccuracy, lies, distortions, bias, propaganda, favoritism, sensationalism, trivialization, lapses of tastes, vulgarity, sleaze, sexism, racism, homophobia, personal attacks, smears, character assassination, deception, and invasion of privacy.*

Malah, sebelum itu lagi, pihak media sering menggunakan alasan hak dan kebebasan seperti hak dalam demokrasi, kebebasan bersuara dan juga hak individu bagi membolehkan mereka melaksanakan berbagai-bagai bentuk rancangan dan program yang akhirnya telah merosakkan budaya dan cara hidup serta pegangan agama seseorang. Hal ini menjadi semakin serius apabila konsep “budaya tanpa sempadan” digunakan bagi menyebarkan maklumat. Syed Ali Ashraf (1997:1) menyatakan kebimbangan tentang isu “kebebasan bersuara” ini diawal-awal era perkembangan teknologi maklumat sebagaimana kenyataannya:

*...it [the media] has become a very powerful instrument in the hands of human beings to cultivate or destroy moral values, to affect and control the minds of people by those who have the power over these media. In the name of freedom and human rights, various big and small companies have started putting up programmes with little*

*censorship or restriction. Whether these programmes will be good or bad depends on what is meant by good or bad and who determines what is good and what is evil.*

Faktor mementingkan keuntungan, sikap individualistik serta materialistik menyebabkan hak untuk menentukan sesuatu yang baik atau pun buruk terletak kepada individu itu sendiri. Malah, nilai baik atau buruk serta nilai berteraskan agama dihapuskan dalam sistem kehidupan manusia sedangkan dalam Islam terdapat beberapa neraca pertimbangan yang perlu diambil kira sebelum sesuatu tindakan dilaksanakan. Saranan wahyu, hadis, maqasid syariah, dimensi fikir yang sah antara perkara yang perlu diikuti dalam tindak amal seseorang insan (Abdullah Muhammad Zin, 2017).

Kewujudan berbagai alat media telah pun menimbulkan berbagai kritikan dalam kalangan masyarakat kerana memberikan ia kesan negatif kepada masyarakat. Sebagai contoh, Larking (1997) berpendapat bahawa televisyen yang merupakan antara media konvensional boleh menjadi “berhala zaman moden - *modern day idolatry*” di dalam rumah dan menjadi ancaman kepada pegangan agama generasi, jika penggunaannya adalah secara melampau dan tidak dikawal. Justeru, penyalahgunaan televisyen boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda kerana ia boleh menyimpangkan mereka daripada realiti kehidupan yang sebenar dan menjadi “hamba” kepada televisyen. Menurut Larking (1997:39), “television image promises to insulate our lives from reality by entertaining us. [Thus,] the television image can rob young people of their time, and bring them into bondage to itself”.

Jika dilihat dalam realiti kehidupan masyarakat sekarang pula, masyarakat tidak lagi hanya terdedah kepada beberapa saluran televisyen sahaja kerana di samping ratusan pilihan saluran televisyen, terdapat ribuan saluran radio dan jutaan laman-lawan web yang dengan mudah diakses melalui komputer, laptop dan gajet-gajet komunikasi yang berbagai bentuk dan jenis. Hal ini menjadikan masyarakat kita lebih banyak menatap media berbanding berkomunikasi dan membaca bahan-bahan ilmiah. Dalam konteks impak televisyen sahaja sebagai contoh, didapati televisyen telah menjadikan diri remaja bersifat pasif dan dalam keadaan tertentu sangat mudah dipengaruhi (Larking (1997). Malah dalam satu kajian yang dijalankan di England dan Wales yang melibatkan 20,968 orang pelajar tahun sembilan dan sepuluh menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara menonton televisyen dengan perkembangan sosio-psikologi remaja (Francis 1997). Remaja yang dikategorikan sebagai ketagih menonton televisyen menghadapi pelbagai masalah sosio-psikologi seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang menerima perhatian daripada keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap keyakinan agama, lebih percaya kepada perkara tahyul dan terlibat dalam masalah atau gejala seks dan keganasan, berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang menonton televisyen.

Satu kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim dan Zarin (2009) mendapati bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan merupakan bahan yang dipaling diminati oleh para remaja ini. Keadaan ini mungkin disebabkan remaja lebih banyak atau mudah terdedah dengan bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan yang ada dalam pelbagai bentuk seperti televisyen, radio, VCD, DVD, internet, majalah dan surat khabar. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tempoh pendedahan yang tinggi terhadap media massa telah memberikan kesan yang negatif terhadap pegangan nilai-nilai akhlak dan juga terhadap persepsi remaja Melayu ke atas keberkesanan pengajaran pendidikan akhlak yang diberikan. Di samping itu, dapatan juga menunjukkan bahawa minat remaja terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, humor, seram dan lucu turut memberikan kesan yang negatif kepada pegangan nilai akhlak para remaja. Dapatan juga menunjukkan pendedahan yang tinggi terhadap media massa memberikan kesan negatif kepada pegangan akhlak di kalangan para remaja Melayu di luar bandar.

Seterusnya, sebagaimana dilaporkan Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan (2011) dalam kajian terhadap penghayatan akhlak pelajar, pengaruh ibu bapa, guru-guru, rakan dan budaya sekolah memberi sumbangan signifikan terhadap penghayatan akhlak pelajar, walau bagaimanapun faktor rakan dan media boleh memberi kesan negatif terhadap penghayatan akhlak pelajar. Secara signifikannya, penggunaan media perlu dikawal kerana berdasarkan dapatan menunjukkan akhlak pelajar semakin negatif sekiranya mereka terdedah dengan imej sonsang yang diberikan oleh media.

### **3.0 ISU-ISU PENDIDIKAN DI ERA MEDIA SOSIAL**

Perkembangan arus globalisasi dan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) sekitar tahun 1960-an telah merupakan bentuk komunikasi secara berperingkat-peringkat. Jaringan internet mula menjadi media alternatif menggantikan yang arus perdana seperti televisyen dan radio. Internet atau lebih spesifik dikenali sebagai world wide web (www) yang ditawarkan melalui komputer telah membawa implikasi yang besar

dalam perkembangan dunia komunikasi malah diklasifikasi sebagai media baharu yang pantas berkembang (NurAzween Zakaria & Nidzam Sulaiman, 2008).

Dalam era globalisasi yang berpaksikan kepada perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), pembangunan dalam bidang pendidikan begitu mementingkan pembudayaan serta penguasaan TMK dalam kalangan pelajar. Internet merupakan salah satu penyalur pelbagai sumber maklumat kepada rangkaian komputer di seluruh dunia, menerusi kemudahan sistem rangkaian. Di samping itu, sumber-sumber lain dari seluruh dunia juga dapat dirangkaikan bersama dan menjadi penyumbang dalam membantu menambahkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Penggunaan TMK menjadi semakin rancak apabila kemunculan perkhidmatan rangkaian media sosial yang dapat menghubungkan pengguna-pengguna internet di seluruh dunia serta ledakan maklumat yang pelbagai di media baharu.

Penggunaan teknologi sememangnya memberi implikasi baharu yang lebih efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) sekaligus akan menyumbang kepada kelancaran dalam pendidikan yang melibatkan semua subjek termasuklah bidang Pendidikan Islam. Pembinaan atau pembangunan laman web merupakan salah satu bahan yang membantu tugas guru dalam usaha menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada pelajar-pelajar. Namun, harus diingat bahawa penggunaan teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran bukan untuk menggantikan tugas guru, tetapi untuk menimbulkan suasana pengajaran yang lebih menyeronokkan, berkesan dan lebih bermakna.

Media baharu ini bukan hanya “perpustakaan maklumat” untuk memudahkan pengedaran maklumat kepada khalayak global, malah lebih daripada itu. Media ini juga merupakan alat yang berpengaruh bagi aktiviti komunikasi. Ini secara tidak langsung menunjukkan media baharu sekarang lebih bersikap mudah untuk menggunakannya atau mesra pelanggan. Secara tidak langsung, perkembangan ini berjaya menarik lebih ramai pengguna mengaplikasikannya. Oleh sebab itu Levinson (2009) menyebutnya sebagai “new new media” lebih baharu daripada media baharu yang menunjukkan perbezaan berbanding media baharu klasik seperti e-mel dan laman web. Media ini bukan hanya alat bagi kemudahan pengedaran, pengarkiban dan berasaskan teks, tetapi kini menjadi alat bagi media sosial yang berkeupayaan untuk menyampaikan kandungan media dan menyediakan kemudahan interaksi antara pembaca dengan penulis.

Kewujudan media sosial kini merupakan cabaran baru dalam dunia pendidikan kerana ianya telah digunakan secara amat meluas dalam generasi muda. Media sosial yang popular seperti Facebook, Facebook Messenger, YouTube, Instragram, Whatsapp, Telegram, Wechat, Google+, LinkedIn, Skype, Line telah digunakan secara meluas di negara ini. Penggunaan media sosial menjadi semakin popular di Malaysia sama ada di kawasan bandar mahupun di luar bandar. Ini kerana, kewujudan alat mudah alih tanpa wayar seperti broadband, Streamyx, P1 Wimax dan Unifi semakin meluas dikalangan masyarakat telah berkembang kepada peningkatan pengguna di negara ini.

Mengikut statistik yang dikeluarkan pada tahun 2015, terdapat 10.4 juta orang pengguna aktif Facebook, 3.5 juta orang pengguna twitter dan 5.6 juta orang yang menjadi pengguna Instragram. Selain itu, data juga menunjukkan bahawa 21.9 juta (73%) penduduk Malaysia menggunakan aplikasi Whatsapp yang secara nisbah dengan jumlah penduduk adalah yang ketiga tertinggi di seluruh dunia. Malah, data juga menunjukkan 19.2 juta (64%) orang penduduk adalah pengguna internet yang mana mereka menggunakan 2.8 jam sehari untuk melayari laman-laman web sosial. Selain dapatan juga menunjukkan bahawa 16.5 juta (55%) penduduk Malaysia adalah pengguna aktif dalam media sosial. (Malaysia Social Media Statistic 2014, 2016). Malah tahap penggunaan ini dijangka akan meningkat khususnya Facebook dijangka pada tahun 2019 dijangka terdapat 13.2 orang pengguna Facebook di Malaysia (Malaysia number of Facebook users 2019, 2016)

Terdapat dua cabaran utama yang dihadapi oleh para pendidik akibat daripada penggunaan media yang sosial yang meluas iaitu:

#### **4.0 CABARAN JURANG PERSEPSI, ILMU, DAN KOMUNIKASI ANTARA GURU DAN GENERASI MUDA**

Dalam era globalisasi, pelajar boleh mendapatkan ilmu di hujung jari dengan mengakses internet di mana sahaja. Hal ini menjadi cabaran kepada guru yang tidak melengkapkan diri mereka dengan ilmu komunikasi menggunakan teknologi. Ini bermaksud terdapat jurang generasi yang lebar dan luas antara guru dengan pelajar. Dalam usaha mencapai matlamat pendidikan, pengurusan jurang generasi perlu diuruskan dengan baik di dalam bilik darjah untuk memahami perbezaan dan persamaan di antara

generasi supaya ia berupaya memberikan kesan positif terhadap cara komunikasi guru yang berkesan malah dapat memupuk motivasi dalam pelajar untuk belajar (Nur Hanani 2015).

Tapscott (2008) membahagikan demografi manusia kepada beberapa kelompok berikut: (i) Pre Baby Boom (lahir pada 1945 dan sebelumnya), (ii) The Baby Boom (lahir antara 1946 – 1964), (iii) The Baby Bust / Generasi X (lahir antara 1965 – 1976), (iv) The Echo of the Baby Boom / Generasi Y (lahir antara 1977 – 1997), (v) Generation Net / Generasi Z (lahir antara 1998 hingga 2009) dan (vi) Generation Alpha / Generasi A (lahir pada 2010). Dengan demikian, jika seorang guru generasi X yang lahir pada tahun 1966 (berusia 50 tahun pada 2016) dan mengajar pelajar generasi Z yang lahir pada 2001 (berusia 15 tahun pada 2016) sememangnya terdapat jurang generasi yang luas antara mereka untuk disepadankan. Perbezaan ini tidak hanya disandarkan pada perbezaan luaran semata-mata bahkan melibatkan cara pemakaian, cara berkomunikasi dan cara bertutur, tetapi ia turut melibatkan soal yang lebih abstrak, iaitu makna diri generasi itu sendiri. Perbezaan antara generasi perlu diuruskan dengan penuh bijaksana kerana setiap generasi mempunyai kelainan dan perbezaan kepercayaan, nilai, budaya, perspektif, kegemaran, kemahiran dan personaliti.

Perbezaan atau jurang dapat dikurangkan jika setiap generasi berusaha memahami ciri-ciri perbezaan dan berusaha membangunnya untuk kejayaan bersama. Menurut Tapscott (2008), generasi Z adalah golongan yang dilahirkan tahun 1998 hingga 2009. Generasi Z adalah generasi teknologi. Mereka telah mula melayari internet dan web seiring dengan usia mereka sejak mereka masih belum bercakap. Generasi Z telah dibimbing dan digalakkan oleh ibu bapa menggunakan dunia laman sosial sejak kecil lagi. Dengan kata lain, generasi Z membesar di dalam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi. Disebabkan mereka lebih mesra untuk berkomunikasi secara maya, generasi ini dikatakan kurang mempunyai kemahiran komunikasi serta kurang kemahiran interpersonal. Apakah akan wujud satu budaya baru serta nilai-nilai terkini yang dibina untuk mereka? Ini adalah cabaran yang utama dihadapi dalam menghadapi generasi dibesarkan dalam dunia di era media sosial.

Cabaran utama adalah untuk memahami generasi ini dan bagaimana guru-guru dapat berkomunikasi dengan berkesan dengan mereka di dalam dan luar sistem pendidikan. Dengan budaya berbeza dan pemikiran yang berlainan, maka adakah guru mampu membawa kefahaman beliau dengan realiti semasa pelajar-pelajar. Senada dengan ini, pengajaran dan pemudahcaraan khususnya dalam bidang Pendidikan Islam contohnya perlu membawa contoh-contoh yang dekat dengan pelajar. Sesuatu yang abstrak seperti topik berkaitan syurga diajar dengan gambaran yang jelas dalam konteks kehidupan pelajar contohnya digambarkan dengan analogi hotel mewah yang penuh dengan segala kelengkapan yang diidamkan oleh manusia diperincikan satu demi satu kepada pelajar. Bahkan syurga lebih hebat daripada hotel mewah tersebut. Seharusnya teknologi pada masa kini digunakan oleh guru untuk memupuk minat pelajar dengan memberi tugas awal kepada pelajar untuk mencari contoh imej hotel mewah yang guru maksudkan agar ianya lebih hampir dengan konsep yang dipelajari. Ini kerana generasi digital ini sangat mahir dengan semua gajet terkini seperti alat-alat komunikasi dan telefon bimbit berinternet.

## 5.0 CABARAN MEMBANGUNKAN AKIDAH ISLAM YANG SAHIIH

Kewujudan media massa khususnya media baru telah membuka ruang yang tidak terbatas informasi serta maklumat yang berbagai-bagai sehingga membawa kepada masalah akhlak dan turut ancaman akidah umat Islam terutama kepada generasi muda yang tidak mempunyai asas Islam yang mantap (Ab. Halim dan Zarin, 2009). Kekurangan dan kecacatan agama adalah faktor utama berlakunya masalah akidah dan terdapat mereka yang terlibat menjelaskan bahawa mereka tidak begitu memahami memahami konsep keimanan kepada Allah dan Rasul yang seharusnya menjadi benteng kepada kemaksiatan (Norsaleha Mohd Salleh, 2015). Kefahaman yang syumul turut menjadi satu persoalan yang utama. Apakah mereka dapat memahami Islam sebagai satu Din yang syumul atau sekadar memahami Islam sebagai masyarakat sekular memahami agama dalam ruang lingkup yang amat sempit sekali? Kegagalan mematuhi segala perintah Allah adalah berasaskan kelemahan atau ketiadaan iman kepada Allah SWT.

Malah dalam Islam, zaman remaja seorang Muslim adalah satu masa yang sangat penting kerana pada waktu tersebut mereka telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam. Mereka tidak boleh disamakan dengan remaja barat. Maka, para remaja Islam perlu disosialisasikan dengan nilai-nilai ketimuran dan juga akhlak Islam. Mereka perlu diberikan pengetahuan dan juga maklumat tentang Islam yang sahiih bagi memastikan mereka mempunyai perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual yang mantap yang boleh membezakan perlakuan yang halal atau haram. Globalisasi telah membuka semua ruang dan peluang kepada remaja untuk menerima apa juga bentuk pengaruh sama ada positif atau

negatif. Pendekatan positif dan suasana kondusif perlu diwujudkan agar mereka dapat menerima maklumat dan pendidikan Islam dengan lebih berkesan.

Aliran pemikiran yang salah, kewujudan pelbagai pemikiran moden juga merupakan antara bentuk serangan pemikiran yang boleh merosakkan aspek pemikiran umat. Aspek pemikiran merupakan antara elemen yang memberi pengaruh terhadap tingkahlaku manusia. Manusia akan bertindak mengikut apa yang difikirkan (Mahmood Nazar, 1994). Justeru itu, kita perlu serius memikirkan strategi untuk sentiasa pro-aktif membekalkan umat dengan sumber dan acuan pemikiran yang tepat bagi memastikan umat memiliki bentuk pemikiran yang benar agar sasaran dakwah melaksanakan tindakan yang benar. Sebagai contoh, fahaman liberalisme, pluralisme, sekularisme, ajaran sesat, ISIS, DAESH memberikan ancaman terhadap pembentukan fahaman yang mengelirukan kepada masyarakat termasuk juga kepada generasi muda (Ab. Halim, 2016). Antara faktor yang mungkin mempengaruhi ialah penguasaan bahasa Inggeris, kemudahan ICT, Globalisasi dan komunikasi tanpa batasan. Ini termasuk juga ancaman ajaran sesat dan khurafat yang masih berlaku dan memberikan ancaman kepada akidah umat Islam (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2011).

Gerakan Kristianisasi memberi ancaman terhadap usaha dakwah khususnya terhadap umat Islam. Misionari Kristian menggunakan pendekatan meragi dan menggaram, *contextualization*, membawa berita gembira dan kasih sayang dalam mendekati sasaran untuk menerima doktrin Kristian yang dibahaskan oleh Ghazali Basri semenjak pada 1980 (Ghazali Basri, 1980). Perkataan meragi dan menggaram berlaku apabila doktrin Kristian yang dipupuk terhadap sasaran Kristianisasi tanpa disedari manakala pendekatan *contextualization* dilaksana dengan sasaran menerima doktrin Kristian tanpa perlu menukar identiti diri. Pendekatan Kristianisasi ini berterusan sehingga kini dan ini memberi ancaman dalam usaha dakwah Islam terhadap umat Islam di negara ini.

## 6.0 PENUTUP

Hasil daripada perbincangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa media massa dan sosial memberikan impak yang besar dalam pendidikan generasi masa kini. Tempoh pendedahan yang tinggi terhadap media massa dan sosial memberikan kesan yang negatif terhadap pegangan nilai-nilai akhlak mereka. Kewujudan berbagai saluran televisyen, radio dan ditambah pula jutaan laman web menjadi isu dalam pendidikan remaja khususnya remaja-remaja Muslim. Apa yang jelas terdapat hubungan yang signifikan antara pendedahan media masa dan sosial dengan perkembangan sosio-psikologi remaja. Dalam konteks Malaysia, penggunaan media sosial dalam kalangan rakyat Malaysia adalah antara yang tertinggi di dunia dan dijangka akan terus meningkat pada masa akan datang. Kemudahan jaringan internet dan penjualan berbagai alat mudah alih tanpa wayar yang murah dan mudah didapati menyebabkan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat semakin meningkat di negara ini. Maka terdapat dua cabaran utama oleh para pendidik iaitu jurang persepsi dan ilmu antara guru dan generasi dan juga cabaran membangunkan akidah yang sah dalam kalangan generasi muda. Tidak dinafikan bahawa faktor dunia tanpa sempadan dan ledakan globalisasi telah memberikan kesan yang signifikan dalam pembangunan warga negara serta keberkesanan pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia.

## 7.0 RUJUKAN

- Ab- Dawud, Sulayman ibn al-Asti`ath al-Sijistani, 1989. Sunan Abi Dawud, Vol. 3, Beirut: al-Maktab al-Islam, 1989), pp. 832-833
- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2009. "Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media masa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar". *SARI*. 27(1): 199-212.
- Ab. Halim Tamuri, Mariam Abd. Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah dan Syarul Azman Shahrudin. 2016 "Dakwah Terhadap Kaum Cina Di Malaysia: Peluang Dan Ancaman" dibentangkan dalam Persidangan Meja Bulat: Isu-isu Saudara Muslim Malaysia 2016 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor pada 5 April 2016
- Ab. Halim Tamuri, 2015 Educating Teacher For Muallaf: The Tawhidic Base, Jurnal Hadhari 7 (2): 1-10
- Ab. Halim Tamuri, Salleh Amat dan Zuria Mahmud. 2005. "Permasalahan Pelajar Fakir Miskin di Daerah Sabak Bernam". *Jurnal Pendidikan*. 30: 21-34.
- Ab. Halim Tamuri. 2014. "al-Quran dan Alam sebagai sumber ilmu Sains dalam pendidikan" dalam Khalijah Mohd Saleh (ed). *Pendidikan Islam Beteraskan Taubid*. Bangi: Penerbit UKM

- Ab. Halim Tamuri. 2015. "Standardization of Islamic education excellence in the world." Kertas kerja dibentangkan di International Seminar Islamic Education in Global Era" di Institut Agama Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia pada 28 Disember 2015.
- Abdul Rahman Embong, 2000, *Wacana globalisasi: Malaysia menangani globalisasi : peserta atau mangsa?*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Muhammad Zin. 2017. Fitnah Media Sosial Cetus Permusuhan dan Kehancuran Ummah: Perspektif Fiqh Tabayyun. *Fiqh Tabayyun: Mendepani Cabaran dan Fitnah Media Sosial*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2011. Media Penyiaran: Implikasinya dalam Pembentukan Akhlak Penuntut-Penuntut Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Akademia* 81(3) 2011: 3-8
- Al-Faruqi. Ismail R. 1992. *Al-Tawhīd: Its implications for thought and life*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Francis, L.J. 1997. "The socio-psychological profile of the teenage television addict". *Muslim Education Quarterly*. 15 (1): 6-19.
- Ghazali Basri, 1980. *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan Satu Tinjauan Sosiologi*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu.
- Halstead, J.M., 1996. "Liberal Values and Liberal Education", in J. Mark Halstead and Monica J. Taylor (eds.). 1996. *Values in Education and Education Values*. London: The Falmer Press.
- Hassan al-Anani, 1990. *Freedom and Responsibility in Qur'anic Perspective*, translated by M.S. Kayani, Indianapolis: American Trust Publication.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai: Penerbit UTM.
- Larking, L. 1997. "Television, popular culture and humiliation of written word". *Muslim Education Quarterly*. 15 (1): 38-44.
- Levinson, P. 2009. *New New Media*. (Edisi Antarabangsa). New York: Pearson.
- Mahmood Nazar Muhammed. 1992. *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka
- Malaysia number of Facebook users. 2019, <http://www.statista.com/statistics/490484/number-of-thailand-facebook-users/>
- Malaysia Social Media Statistic. 2014 <http://blog.malaysia-asia.my/2015/03/malaysia-social-media-statistics-2014.html>
- Mashuq Ally, 1997. "Islam" in Peggy Morgan and Clive Lawton (eds.), *Ethical Issues in Six Religious Traditions*, Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Mughess-uddin. 1997. "An Islamic Framework of Media Ethics: Problems and Challenges", *Hamdard Islamicus*, Vol. XX (4): 57-67.
- Nor Azaruddin Husni Hj Nuruddin. 2017. Cabaran Media Sosial Dalam Menangani Fahaman Penyelewangan dan Melampau. *Fiqh Tabayyun: Mendepani Cabaran dan Fitnah Media Sosial*. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.
- Norsaleha Mohd. Salleh. 2015. Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. (Tesis Ph.D). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman. 2008. Media Alternatif Sebagai Agen Perluasan Ruang Bersuara Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-12. Prosiding Seminar Politik Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA.
- Nur Hanani Hussin, 2015. Pengajaran Ibadat Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia
- Syed Ali Ashraf, 1997. "Mass Media Communications, Religion and Education". *Muslim Education Quarterly*. 15(1): 1-3.
- Taspocott, Don (2008). *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*. Columbus: McGraw-Hill.